



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKKAN**  
**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

- 1. Adakah operasi Kementerian dan Agensi berjalan seperti biasa sepanjang perintah kawalan pergerakan (Movement Control Order)?**

Operasi Kementerian Belia dan Sukan termasuk Agensi dibawahnya di tutup mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 mengikut saranan YAB Perdana Menteri yang telah diumumkan pada 16 Mac 2020 mengenai perintah kawalan pergerakan (Movement Control Order) bagi menangani kes COVID-19.

- 2. Adakah cara untuk berhubung dengan pihak Kementerian dan Agensi sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (Movement Control Order)?**

Ada, Bahagian Khidmat Pengurusan telah membuka BILIK OPERASI GERAKAN dari 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 (kecuali hari Sabtu dan Ahad) bertempat di:

**Bilik Mesyuarat Aras 6**

**Dari Pukul 8.00 pagi hingga 4.30 petang**

**Kaunter RELA juga beroperasi 24 jam.**

Talian-talian yang boleh dihubungi di Bilik Operasi Gerakan pada masa tersebut adalah seperti berikut:

- 1) 03-8871 3622
- 2) 03-8871 3434
- 3) 03-8871 3505

**3. Apakah saluran yang boleh digunakan untuk membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan kepada KBS?**

Anda boleh melayari portal aduan KBS melalui <http://www.kbs.gov.my/maklumbalas-aduan> untuk mengemukakan sebarang aduan atau pertanyaan sepanjang perintah kawalan pergerakan sedang berlangsung.

**SOALAN BERKAITAN URUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN**

**4. Adakah Pesanan Kerajaan (LO) boleh dikeluarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Permohonan dan pengeluaran Pesanan Kerajaan (LO) yang bukan mendesak hendaklah ditangguhkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini. Walau bagaimanapun, Pesanan Kerajaan (LO) bagi perolehan bekalan / perkhidmatan yang mendesak atau urusan yang kritikal boleh dipertimbangkan. Agensi hendaklah memastikan pembekal membuat pengesahan LO tersebut selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari daripada tarikh LO dikeluarkan bagi mengelakkan LO tersebut terbatal secara automatik dalam sistem ePerolehan.

**5. Adakah tuntutan bayaran/ inouis perlu diproses dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Ya. Proses pembayaran bagi tuntutan tersebut perlu dilaksanakan oleh pegawai yang bertugas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Semua PTJ perlu memantau bagi memastikan sebarang tuntutan diproses mengikut tempoh yang ditetapkan dan tiada pembayaran bil yang melebihi tempoh 14 hari.

**6. Adakah proses pindah peruntukan/ penyaluran waran boleh dibuat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Ya. Proses tersebut boleh dibuat sekiranya terdapat keperluan mendesak.

**7. Adakah terimaan hasil boleh dibuat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Ya. Terimaan hasil masih boleh dibuat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dan hendaklah dikendalikan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa.

**8. Adakah pihak perunding dan kontraktor masih boleh mengemukakan tuntutan bayaran kepada KBS?**

Bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan, pihak perunding dan kontraktor adalah dinasihatkan untuk mengemukakan tuntutan selepas 31 Mac 2020 atau sehingga arahan selanjutnya.

**9. Adakah pelaksanaan projek di tapak bina diteruskan seperti jadual?**

Pada waktu ini, pihak kontraktor diminta untuk menghentikan semua aktiviti pelaksanaan projek di tapak bina sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

**10. Adakah urusan konsultasi berkaitan projek termasuk penghantaran dokumen ke Bahagian Pembangunan KBS beroperasi seperti biasa?**

Pada waktu ini semua urusan konsultasi projek termasuk penghantaran dokumen perlu ditangguhkan sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

## **INSTITUT LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS)**

### **11. Adakah Institusi Latihan Kemahiran Kementerian Belia dan Sukan (ILKBS) ditutup sepanjang tempoh kawalan pergerakan?**

Semua ILKBS ditutup sepanjang tempoh kawalan pergerakan (18 hingga 31 Mac 2020) dan tertakluk kepada arahan semasa dari kerajaan. Walau bagaimana pun bagi pelajar yang ingin menggunakan kemudahan penginapan atas sebab yang tidak dapat dielakkan, pihak pengurusan institut akan mempermudahcarakan keperluan pelajar dengan menyediakan kemudahan penginapan dan makanan sepanjang tempoh kawalan pergerakan berlangsung. Namun, para pelajar perlu dihadkan pergerakan keluar masuk institusi bagi tujuan kawalan dan pencegahan COVID-19.

### **12. Adakah pelajar dan orang awam boleh memasuki ILKBS sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini?**

Kawasan ILKBS merupakan kawasan larangan kecuali pegawai yang diberi kelulusan untuk menjalankan tugas oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.

### **13. Adakah pelajar boleh terus memasuki ILKBS selepas tamat tempoh kawalan pergerakan?**

Ya boleh, semua pelajar yang pulang ke ILKBS perlu menjalani pemeriksaan suhu badan (saringan demam) yang akan dilaksanakan pada pintu masuk utama semasa pelajar melapor diri (1 April 2020). Sekiranya keputusan saringan suhu badan menunjukkan negatif (tiada simptom batuk, selesema dan demam yang teruk) pelajar boleh terus ke asrama manakala bagi pelajar yang mempunyai simptom (selesema dan demam) yang teruk, pihak ILKBS akan merujuk kes tersebut kepada klinik/ hospital yang berhampiran sebagai langkah kawalan pencegahan COVIC-19.

**14. Adakah pelajar ILKBS yang sedang menjalani latihan industri (LI) juga diberi cuti sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini?**

Pelajar yang menjalani LI di premis awam atau swasta selain daripada yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (atau essential services) iaitu air, elektrik, tenaga, komunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan boleh melaksanakan perintah kawalan pergerakan bergantung kepada kelulusan yang diberikan oleh institusi di mana pelajar menjalani latihan (LI).

**15. Adakah kontraktor yang dilantik boleh melaksanakan tugas di dalam kawasan ILKBS?**

Pihak kontraktor keselamatan, kontraktor kebersihan dan kontraktor penyelenggaraan (essential) adalah dibenarkan untuk memasuki serta melaksanakan tugas semasa di ILKBS. Pengawasan dan pemantauan oleh pegawai ILKBS yang ditugaskan akan terus dilaksanakan sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini.

**PEJABAT PENDAFTAR BELIA**

**16. Sekiranya ada permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan belia baru, Adakah ianya boleh dilakukan pada ketika ini ?**

Boleh. Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui <http://eroyv2.gov.my/> dan pengguna boleh merujuk panduan pengguna yang telah disediakan.

**17. Adakah Pertubuhan Belia boleh mengemukakan Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD) pada ketika ini ?**

Boleh. MYKD tersebut boleh dihantar melalui pos ke Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia.

**18. Adakah permohonan menubuhkan Cawangan Baru Pertubuhan Belia boleh dilakukan pada ketika ini?**

Boleh. Pertubuhan perlu mengemukakan Borang PPB 05 yang berkaitan dan boleh dihantar melalui pos ke Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia.

**19. Bolehkah Pertubuhan Belia meneruskan sebarang aktiviti yang melibatkan ahli-ahli pada ketika ini?**

TIDAK BOLEH. Larangan ini adalah selaras dengan arahan YB Menteri Belia dan Sukan bertarikh 13 Mac 2020.

**20. Adakah Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) boleh dilaksanakan dalam tempoh ini kerana telah dinyatakan di dalam undang undang tubuh Pertubuhan Belia ?**

TIDAK BOLEH. Larangan ini selaras dengan Arahan YB Menteri Belia dan Sukan bertarikh 13 Mac 2020 serta Nasihat Penangguhan oleh Pendaftar Pertubuhan Belia bertarikh 16 Mac 2020.

### **PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA**

**21. Adakah operasi permohonan pendaftaran badan sukan, pelesenan dan MYKB secara atas talian masih diteruskan?**

Ya. Permohonan secara atas talian (online) masih beroperasi seperti biasa. Pengguna masih boleh membuat urusan pendaftaran badan sukan, permohonan lesen bagi syarikat menjalankan aktiviti sukan dan penyerahan laporan Maklumat Yang Kena Beri (MYKB) menerusi laman web [www.erosa.kbs.gov.my](http://www.erosa.kbs.gov.my).

**22. Adakah pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan bagi badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 perlu ditangguhkan?**

Ya. Selaras dengan kenyataan media yang dikeluarkan pada 16 Mac 2020 berkenaan arahan YB Menteri Belia dan Sukan untuk membuat penangguhan atau pembatalan perhimpunan/ program/ acara belia dan sukan bagi membendung penularan COVID-19.

**23. Apakah status pengajuran acara sukan tempatan dan antarabangsa?**

Semua perhimpunan / program / acara belia / dan sukan anjuran / kelulusan KBS dan agensi - agensi di bawah seliaan KBS sehingga 30 April 2020 perlu DITANGGUHKAN selaras dengan kenyataan media yang dikeluarkan oleh YB Menteri pada 13 Mac 2020 berkenaan penangguhan atau pembatalan.

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**

**24. Adakah operasi penyelidikan IYRES diteruskan sepanjang tempoh kawalan pergerakan antara 18 hingga 31 Mac 2020?**

Operasi penyelidikan secara fizikal ditangguhkan, namun perbincangan melalui platform atas talian seperti media sosial atau e-mel rasmi ([info@iyres.gov.my](mailto:info@iyres.gov.my)) boleh diteruskan sepanjang tempoh tersebut.

**25. Bagaimanakah cara untuk menghubungi penyelidik IYRES sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan kajian?**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan penyelidikan IYRES, bolehlah diajukan melalui e-mel: [info@iyres.gov.my](mailto:info@iyres.gov.my)

**26. Adakah permohonan data berkaitan belia masih dilaksanakan seperti biasa?**

**Ya.** Masih dilaksanakan seperti biasa. Permohonan data atau sebarang pertanyaan boleh diajukan secara atas talian di bawah aplikasi ydata@iyres atau melalui e-mel: [info@iyres.gov.my](mailto:info@iyres.gov.my)

**27. Adakah program di bawah IYRES seperti Travelog, *Technical Working Group (TWG)*, Town Hall dan *Round Table Discussion (RTD)* masih dijalankan?**

Semua program dan aktiviti belia yang dilaksanakan oleh IYRES **DITANGGUHKAN** buat sementara waktu.

### **PERBADANAN STADIUM MALAYSIA**

**28. Adakah Perbadanan Stadium Malaysia masih menerima lawatan dan kajian dari sekolah/institusi buat masa sekarang?**

Semua lawatan dan kajian adalah **TIDAK** dibenarkan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan.

**29. Adakah larian percuma trek larian Stadium Nasional pada hari Sabtu/Ahad berjalan seperti biasa?**

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang akan berkuatkuasa pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020, penggunaan percuma trek larian Stadium Nasional, KL Sports City pada setiap Sabtu dan Ahad akan **DITUTUP** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

**30. Bolehkah orang awam menggunakan trek larian di Kompleks Sukan Setiawangsa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan?**

**TIDAK**. Penggunaan percuma trek larian di Kompleks Sukan Setiawangsa akan ditutup sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

**31. Adakah penggunaan gelanggang futsal dan bola keranjang dibenarkan?**

Penggunaan rekreasi gelanggang futsal, bola keranjang, trek larian dan berbasikal di luar Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City (KLSC) akan **DITUTUP** berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 sehingga diberitahu kelak selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan.



**32. Sekiranya penganjur ingin menganjurkan sebarang acara di KL Sports City, adakah ianya dibenarkan?**

Segala urusan boleh dibincangkan melalui telefon/ emel, namun acara akan dijalankan setelah perintah ini ditamatkan. Sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 019-2775203/ noriza@stadium.gov.my (Puan Noriza) untuk urusan umum dan sila hubungi Bahagian Bisnes dan Komersial di talian 019- 6109051/ hazily@stadium.gov.my (Encik Hazily Hariss) untuk urusan acara.

**33. Adakah surau Al-Hidayah yang terletak berhampiran stesen LRT Bukit Jalil boleh digunakan untuk solat?**

Surau **DITUTUP** sehingga diberitahu kelak.

**34. Adakah restoran jualan makanan seperti Subway dan Ramly di Axiata Arena dibuka?**

Pembelian di restoren dibolehkan hanya untuk pembelian bungkus sahaja, tidak dibenarkan makan di restoran.

**35. Adakah semua Kompleks Cawangan di bawah pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia ditutup?**

**Ya.** KL Sports City, Kompleks Sukan Bukit Kiara, Kompleks Sukan Jalan Duta, Kompleks Sukan Setiawangsa dan Kompleks Sukan Shah Alam telah **DITUTUP** selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan.

**36. Bagaimana pula dengan aktiviti-aktiviti dan program rekreasi di kompleks cawangan? Adakah semuanya telah dihentikan?**

**Ya.** Semua aktiviti dan program rekreasi di semua venue **DIHENTIKAN** buat sementara waktu termasuk di KL Sports City.

## **JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA**

### **37. Adakah gimnasium KBS dibuka pada masa ini bagi aktiviti kecergasan secara indoor?**

Gimnasium KBS **DITUTUP** sehingga 31 Mac 2020 selaras dengan arahan YB Menteri Belia dan Sukan pada 13 Mac 2020

### **38. Bagaimanakah penganjuran program-program sukan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah?**

Semua program sukan anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah adalah **DITANGGUHKAN** sehingga 31 Mac 2020 tertakluk kepada situasi semasa dan kebenaran daripada pihak berkuasa khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

### **39. Bagaimanakah status program sukan yang menerima bantuan peruntukan kewangan daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara?**

Semua pertubuhan kerajaan (NGO) yang menerima bantuan peruntukan kewangan daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara perlulah **MENANGGUHKAN** program sehingga 31 Mac 2020 dan hanya dibenarkan untuk dianjurkan setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

### **40. Saya merupakan ahli Persatuan Sukan/ Belia dan berhasrat menganjurkan program yang dijadualkan pada Oktober 2020. Bolehkah saya memohon bantuan peruntukan kewangan?**

Sistem permohonan dalam talian, [spsb.kbs.gov.my](http://spsb.kbs.gov.my) adalah dibuka sepanjang tahun dan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh memohon termasuklah ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sedang berkuat kuasa sehingga 31 Mac 2020.

**41. Bagaimana dengan status penyertaan saya bagi menyertai Jelajah Fit Malaysia Edisi Kedah 2020 yang dijadualkan pada 21 Mac 2020?**

Jelajah Fit Malaysia Edisi Kedah 2020 yang dijadualkan pada 21 Mac 2020 adalah DITANGGUHKAN dan tarikh baharu akan dimaklumkan kepada umum setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Peserta yang telah mendaftar melalui aplikasi JOMRUN tidak perlu mendaftar dan hanya perlu tunggu tarikh baharu.

**INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)**

**42. Adakah orang awam boleh mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN)?**

**TIDAK**. Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) ditutup bermula 18 - 31 Mac 2020.

**43. Adakah Bahagian Perubatan Sukan ISN beroperasi seperti biasa kepada atlet?**

Bahagian Perubatan ISN beroperasi 8.30 pagi hingga 4 petang setiap hari hanya bagi memantau perkembangan atlet berkaitan kes #Covid-19

**44. Adakah perkhidmatan Sains Sukan beroperasi seperti biasa kepada atlet?**

**TIDAK**. Perkhidmatan Sains Sukan ISN dihentikan operasi sementara bermula 18 - 31 Mac 2020.

**45. Adakah kursus-kursus Akademi Kejurulatihan Kebangsaan beroperasi seperti biasa?**

**TIDAK**. Semua kursus-kursus di bawah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) ditangguhkan sehingga kepada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

**46. Adakah makmal dan gym ISN beroperasi seperti biasa?**

**TIDAK**. Semua makmal dan gym ISN ditutup bermula 18 hingga 31 Mac 2020.

**47. Bolehkah saya keluar berlari atau berbasikal di taman rekreasi ataupun jogging trek di kawasan perumahan saya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

**TIDAK**. Anda digalakkan bersenam di dalam dan di perkarangan rumah.

**48. Bolehkah saya menggunakan kemudahan kolam renang atau gymnasium di clubhouse di kediaman saya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

**TIDAK**. Anda digalakkan bersenam di dalam dan di perkarangan rumah.

**49. Adakah saya boleh melakukan aktiviti pendakian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

**TIDAK**. Anda dinasihatkan untuk melakukan aktiviti fizikal di dalam dan di perkarangan rumah sahaja.

### **MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**

**50. Siapakah yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (18 hingga 31 Mac 2020) di Majlis Sukan Negara (MSN)?**

Pegawai dan anggota, atlet dan jurulatih.

**51. Adakah premis MSN ditutup sepanjang tempoh kawalan pergerakan?**

Semua bangunan pentadbiran MSN, venue latihan di Bukit Jalil dan kompleks-kompleks sukan di luar Bukit Jalil di bawah seliaan MSN **DITUTUP** sepanjang tempoh kawalan pergerakan dan tertakluk kepada arahan semasa dari kerajaan. Antara kompleks-kompleks sukan di luar Bukit Jalil adalah:

- i. **Kompleks MSNM Dungun, Terengganu**
- ii. **Kompleks MSNM Taman Keramat, KL**
- iii. **Kompleks MSNM Saujana Asahan, Melaka**
- iv. **Kompleks MSNM Kuala Rompin, Pahang**
- v. **Kompleks MSNM Pagoh, Johor**
- vi. **Pusat Latihan Perahu Layar Kebangsaan Pulau Langkawi**
- vii. **Kompleks Kecemerlangan Paralimpik Kg. Pandan**
- viii. **Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari, Gambang, Kuantan**
- ix. **Akademi Badminton Malaysia, Bukit Kiara, KL**
- x. **Velodrome Nasional, Nilai**

**52. Adakah pegawai dan anggota MSN dibenarkan memasuki kawasan premis MSN sepanjang tempoh kawalan pergerakan?**

Pegawai dan anggota hanya dibenarkan memasuki kawasan premis MSN dengan kebenaran dan kelulusan Ketua Pengarah MSN, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan MSN dan Ketua Cawangan Pentadbiran MSN sahaja.

**53. Apakah tindakan pihak pengurusan bagi memastikan premis MSN bebas Covid-19?**

Pihak pengurusan akan mengehadkan kemasukan pegawai dan anggota ke bangunan pentadbiran dan akan menjalankan proses disinfeksi sebanyak dua (2) kali di kawasan-kawasan di bawah seliaan MSN.

**54. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak MSN kepada atlet dan jurulatih yang mempunyai simptom atau mempunyai kontak dengan suspek Covid-19?**

Semua atlet dan jurulatih yang mempunyai simptom atau disyaki mempunyai kontak dengan suspek atau pesakit Covid-19 akan dikuarantinkan di Aras 6, Casa 1, MSN untuk tujuan saringan dan pemantauan. Jika keputusan saringan negatif, mereka dibenarkan pulang dan jika positif, mereka akan dihantar ke pusat perubatan yang terlibat.

**55. Adakah atlet yang menginap di asrama CASA 1, 2, 3 dibenarkan untuk berada di asrama semasa Perintah Kawalan Pergerakan?**

Hanya atlet yang dikuarantin sahaja dibenarkan berada CASA 1. Atlet-atlet yang lain diwajibkan keluar daripada asrama.

**56. Apakah tindakan yang perlu atlet lakukan jika mempunyai simptom yang berkaitan dengan Covid-19 di kampung halaman masing-masing?**

Atlet perlu hadir di Pusat Kesihatan Daerah yang berdekatan bagi mendapatkan pemeriksaan lanjut.

**57. Bagaimana program latihan atlet semasa tempoh kawalan pergerakan?**

Atlet-atlet telah diminta untuk melakukan latihan persendirian di rumah masing-masing berdasarkan program latihan yang dibekalkan oleh jurulatih masing-masing.

**58. Adakah kontraktor yang dilantik boleh melaksanakan tugas di dalam kawasan premis Majlis Sukan Negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Pihak kontraktor yang dilantik tidak dibenarkan untuk memasuki kawasan premis Majlis Sukan Negara untuk melaksanakan tugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.

**59. Bagaimana atlet dan jurulatih ingin mendapatkan maklumat semasa berkaitan Covid-19 di MSN?**

Mereka boleh mendapatkan maklumat berkenaan melalui pengurus sukan masing-masing atau layari media sosial MSN iaitu:

Facebook : Majlis Sukan Negara Malaysia

Instagram : MSN\_Malaysia\_Official

Twitter : MSNMALAYSIA

**PUSAT BELIA ANTARABANGSA (IYC)**

**60. Adakah IYC menutup semua kemudahan penggunaan yang terdapat di dalam bangunan IYC?**

Buat masa ini IYC **MENUTUP** semua kemudahan penggunaan melibatkan penganjuran semua majlis/acara/kursus/mesyuarat termasuk gimnasium dan cafe serta penginapan kecuali kemudahan penggunaan mesin ATM untuk komuniti setempat dengan kawalan tahap kebersihan serta penyediaan 'hand sanitizer' hampir di semua lokasi dalam bangunan.

**61. Adakah tempahan penggunaan kemudahan boleh dibuat dalam tempoh ini?**

**BOLEH.** Tempahan melalui atas talian dan menghubungi kaunter perkhidmatan pelanggan yang diarahkan bertugas tanpa datang ke IYC. Pelanggan boleh hubungi nombor 03-91719204/05/07.

**62. Adakah IYC menerima kes-kes kecemasan yang memerlukan keperluan penginapan?**

Bergantung kepada kes kecemasan pelanggan dan kelulusan pengurusan tertinggi, disamping memastikan pelanggan perlu disahkan sihat dan mengambil langkah-langkah kawalan tahap kebersihan yang tinggi.

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
20 MAC 2020**